



Zainani (dua dari kiri) semasa merasmikan Majlis Peluncuran Kampung Angkat Madani Jabatan Akauntan Negara Malaysia di Masjid Iktikaf Ibnu Sina, Kampung Bukit Merah dekat Tanah Merah hari ini. Pendidikan Teknologi Jepun

- ▶ Joy Ngiaw, anak Malaysia pertama rangkul trofi Emmy
🕒 10 Mac 2026, 12:16 am
- ▶ Pelajar kolej vokasional maut leher terkena sabit
🕒 9 Mac 2026, 11:48 pm
- ▶ Lelaki tikam anak, adik perempuan
🕒 9 Mac 2026, 11:37 pm
- ▶ 'Sejak awal kahwin, mereka kata macam ada 'baby bump' – Amira Othman
🕒 9 Mac 2026, 10:48 pm
- ▶ CMP 2026–2030 perkukuh pasaran modal negara
🕒 9 Mac 2026, 10:47 pm
- ▶ [VIDEO] Wanita haid boleh datang masjid ketika solat raya – UAI
🕒 9 Mac 2026, 10:42 pm
- ▶ Pelajar maut, motosikal rempuh lori
🕒 9 Mac 2026, 10:19 pm
- ▶ Hujan hitam melanda Tehran 🕒 9 Mac 2026, 9:19 pm

Wang tak dituntut cecah lebih RM13 bilion

Oleh KOSMO! 7 Mac 2026, 6:04 pm

TANAH MERAH – Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) merekodkan lebih RM13 bilion Wang Tak Dituntut (WTD) setakat Januari lalu melibatkan wang milik individu dan syarikat yang masih belum dituntut oleh pemilik atau waris masing-masing di seluruh negara.

Akauntan Negara Malaysia, Datuk Zainani Jusoh berkata, daripada jumlah tersebut, kira-kira RM7 bilion masih berada dalam akaun amanah WTD, manakala selebihnya telah dilaraskan ke dalam Akaun Hasil Disatukan selepas tidak dituntut dalam tempoh 10 tahun.

ADVERTISEMENT

Learn more

Watch
K-dramas
while on
a treadmill

"Wang tersebut masih boleh dituntut oleh pemilik atau waris yang sah walaupun telah dimasukkan ke dalam akaun berkenaan.



Diabetes akan hilang selamanya! Hanya lakukan ini dua kali sehari

DAZIBET

"Sekiranya terdapat permohonan tuntutan, wang yang telah dilaraskan ke dalam Akaun Hasil Disatukan itu tetap akan dibayar semula kepada pemilik atau waris," katanya selepas Majlis Peluncuran Kampung Angkat Madani Jabatan Akauntan Negara Malaysia di Masjid Iktikaf Ibnu Sina, Kampung Bukit Merah di sini hari ini.

Zainani memberitahu, bagi memudahkan orang ramai membuat semakan dan tuntutan, JANM menyediakan perkhidmatan di kaunter jabatan itu di setiap negeri selain secara dalam talian menerusi portal eGUMIS.

Katanya, pihaknya turut menyediakan kaunter bergerak menggunakan bas JANM bagi membolehkan orang ramai menyemak dan menuntut wang berkenaan dengan lebih mudah.

"Bas bergerak ini akan hadir ke lokasi tertentu bagi memudahkan orang ramai membuat semakan dan tuntutan tanpa perlu hadir ke pejabat JANM," ujarnya.



Diabetes akan hilang selamanya! Hanya lakukan ini dua kali sehari

DAZIBET



You Won't Believe How This Girl Walks Like A Horse—Viral Video!

BRAINBERRIES

Dalam pada itu, beliau menegaskan JANM tidak pernah melantik ejen untuk menguruskan urusan semakan atau tuntutan WTD.

“Orang ramai perlu membuat semakan sendiri sama ada di kaunter JANM atau melalui portal rasmi.

“Semakan di portal atau aplikasi hanya dibenarkan dua kali sehari bagi mengelakkan pihak tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan menjadi ejen,” katanya. – KOSMO! ONLINE

Tags: Jabatan Akauntan Negara Malaysia JANM RM13 bilion top wang tak dituntut WTD



Tidak mahu terlepas? Ikuti kami di



Lelaki tikam anak, adik perempuan
9 Mac 2026, 11:37 pm



Hujan hitam melanda Tehran
9 Mac 2026, 9:19 pm



JPN, apa nasib Jolina?
9 Mac 2026, 8:50 pm



Bayi maut didera: Saya tak akan maafkan si pelaku - Bapa
9 Mac 2026, 8:31 pm